

**PENGARUH KUASA HEGEMONI AMERIKA
SYARIKAT KE ATAS HUBUNGAN MALAYSIA-
CHINA 1959-1989**



ASRIN SILUAH
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

**PENGARUH KUASA HEGEMONI AMERIKA
SYARIKAT KE ATAS HUBUNGAN MALAYSIA-
CHINA 1959-1989**

ASRIN SILUAH



**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

_____IJAZAH : _____

_____SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

20 Ogos 2013

Asrin bin Siluah

PS05-003-011



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : **ASRIN BIN SILUAH**

NO MATRIK : **PS05-003-011**

TAJUK : **PENGARUH KUASA HEGEMONI AMERIKA SYARIKAT KE
ATAS HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA 1959-1989**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA
(HUBUNGAN ANTARABANGSA)**

TARIKH VIVA : **24 SEPTEMBER 2012**



1. **PENYELIA**

Prof Madya Dr. Mohd Noor Yazid

DISAHKAN OLEH
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi perhargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Mohd Noor Yazid dan Prof. Madya Dr. Asmady Idris kerana dengan sabar dan dedikasi telah memberikan tunjuk ajar dan membimbing saya sehingga siapnya kajian ini. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah bidang Hubungan Antarabangsa kerana memberikan saya nasihat dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada pihak Sekolah Sains Sosial yang banyak membantu dalam mengurus hal ehwal pelajar-pelajar pasca siswazah.

Asrin Siluah

20 Ogos 2013



ABSTRAK

Selepas Perang Dunia Kedua, Amerika Syarikat telah menjadi sebuah kuasa hegemoni yang berupaya mempengaruhi dan memberi kesan dalam sistem antarabangsa. Tindakan dan tingkahlaku hegemoni berupaya mewujudkan konflik, perperangan, bantuan dan kerjasama politik, ekonomi, keselamatan mahupun sosial. Lawatan Presiden Nixon ke China pada tahun 1972 telah membuka lembaran baru dalam hubungan kedua-dua buah negara walaupun hubungan diplomatik tidak dijalankan sebelum ini. Hasil daripada lawatan ini, kerjasama yang lebih erat dijalankan dengan kemasukan pelaburan, kerjasama ekonomi dan perbincangan isu politik bagi kepentingan kedua-dua buah pihak. Segala tindakan yang dilakukan oleh sebuah negara kuasa hegemoni turut mempengaruhi negara-negara kecil seperti Malaysia untuk menjalankan dasar yang selari dengan tindakan kuasa hegemoni Amerika Syarikat. Malaysia juga turut menjalinkan hubungan politik dengan China pada tahun 1974 yang merupakan kesan positif daripada hubungan yang dicapai antara Amerika Syarikat dan China pada tahun 1972. Kesan daripada hubungan Malaysia-China ini telah membawa kepada pelbagai kerjasama dalam bidang ekonomi, politik mahupun sosial antara kedua-dua buah negara. Hubungan bilateral Malaysia-China ini adalah sangat penting dan ia membuktikan pengaruh hegemoni Amerika Syarikat ke atas hubungan Malaysia-China.

ABSTRACT

After the Second World War, the United States have becoming a hegemonic power that owned the capabilities to influence and impact the international system. The behaviour and action of hegemony is the ability to create conflict, war and also different types of cooperation for political, economy, security and social. In 1972, the visit of President Nixon to China has initiated a new relation between these two countries which did not maintain diplomatic relations before. As the outcomes of this visit, both countries have formed a better and close relationship in getting investment, economy cooperation and discussion of political issues for their own interests. Any action carry out by a country with hegemonic power will actually affect those small countries like Malaysia to change their diplomacy and foreign policy that in line with the decision and action made by the United States. In fact, Malaysia has established a political relationship with China in 1974 which was the positive reaction of the United States-China relationship in 1972. The effect of the Malaysia relationship has led to a variety of cooperation in economic, political as well as social between these two countries. The bilateral relations between Malaysia-China is important factor to prove that the hegemonic power owned by the United States has influenced the Malaysia-China relationship.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 : LATAR BELAKANG KAJIAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian	3
1.4 Pendekatan Teori	4
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Hipotesis	9
1.7 Kajian-Kajian Lepas (<i>Literature Review</i>)	9
1.8 Teknik Pengumpulan Data	14
1.9 Kesimpulan	14
BAB 2 : PENGARUH AMERIKA SYARIKAT DI RANTAU ASIA PASIFIK	
2.1 Pendahuluan	15
2.2 Pengaruh Ideologi Demokrasi	15
2.3 Pengaruh Ekonomi	17
2.4 Kekuatan Bagi Menghadapi Ancaman China	20
2.5 Pengawalan Senjata Nuklear Korea Utara	21
2.6 Kekuatan Tentera	23
2.7 Penglibatan Amerika Syarikat Dalam Perang di Asia Pasifik Selepas Perang Dunia Kedua	
2.7.1 Perang Korea	27

2.7.2	Perang Vietnam	32
2.8	Pakatan Keselamatan	
2.8.1	Pakatan Keselamatan Korea Selatan-Amerika Syarikat	33
2.8.2	Pakatan Keselamatan Amerika Syarikat-Jepun	34
2.9	Percaturan Kuasa Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet dan China di Rantau Asia Pasifik Sebelum 1974	
2.9.1	Pengaruh Hegemoni Amerika Syarikat Melalui Hubungan Malaysia-China	37
2.9.2	Struktur Sistem Antarabangsa Sebelum 1974	39
2.9.3	Pengaruh Hegemoni Amerika Syarikat Dalam Usaha Normalisasi Malaysia-China Selepas 1972	45
2.9.4	Pengaruh Hegemoni Amerika Syarikat di Peringkat Domestik China dan Malaysia	51
2.10	Kesimpulan	54

BAB 3 : HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA SEBELUM 1974

3.1	Pendahuluan	56
3.2	Keretakan Hubungan Malaysia-China Era Tunku Abdul Rahman (1957-1970)	
3.2.1	Peribadi dan Kepimpinan Tunku	57
3.2.2	Fahaman Komunis	59
3.2.3	Jaminan Keselamatan dan Politik Amerika Syarikat	61
3.2.4	Kepentingan Hubungan Ekonomi Dengan Amerika Syarikat	63
3.2.5	Dasar Pro-Barat	65
3.2.6	Konfrontasi Malaysia-Indonesia	67
3.2.7	Perang Vietnam	70
3.3	Perubahan Hubungan ke Arah Normalisasi Era Tun Abdul Razak	
3.3.1	Perubahan Dasar Luar Amerika Syarikat ke Atas China	72
3.3.2	Perubahan Dasar Luar Malaysia ke Atas China	74
3.3.3	Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)	75
3.3.4	Dasar Pengecualian Asia Tenggara (<i>Neutralization</i>) 1971	77
3.3.5	Konsep ZOPFAN 1971	78
3.4	Kesimpulan	79

BAB 4 : HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA SELEPAS 1974

4.1	Pendahuluan	80
4.2	Lawatan Tun Abdul Razak	80
4.3	Pengaruh Amerika Syarikat ke Atas Hubungan Malaysia-China	
4.3.1	Lawatan Richard Nixon ke China 1972	81
4.3.2	Pendirian Amerika Syarikat Terhadap Isu Taiwan dan Reaksi Malaysia	85
4.3.3	Menghadapi Kemaraan Kesatuan Soviet	89
4.3.4	Perubahan Dasar China Terhadap Amerika Syarikat	92
4.3.5	Keretakan Hubungan Kesatuan Soviet-China	93
4.3.6	Reformasi Ekonomi China Selepas Lawatan Nixon	95
4.3.7	Pengaruh Hubungan Ekonomi China-Amerika Syarikat	99
4.4	Perkembangan Hubungan Politik dan Keselamatan Malaysia-China Selepas 1974	
4.4.1	Lawatan Pemimpin	102
4.4.2	Penguasaan di Laut China Selatan	106
4.4.3	Parti Komunis Malaya (PKM)	108
4.4.4	Permodenan Ketenteraan China	111
4.4.5	<i>Beijing's Overseas Chinese Policy</i>	112
4.5	Perkembangan Perubahan Ekonomi Malaysia-China Selepas 1974	
4.5.1	Jumlah Dagangan	113
4.5.2	Nilai Import	114
4.5.3	Nilai Eksport	115
4.5.4	Perjanjian dan Kerjasama Ekonomi	116
4.6	Kesimpulan	119
BAB 5 : RUMUSAN		120
BIBLIOGRAFI		128
LAMPIRAN		136

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1 Faktor-Faktor Pengaruh Hegemoni Amerika Syarikat Dalam Hubungan Malaysia-China	6
Rajah 2.1 Pengaruh Hegemoni Amerika Syarikat Melalui Hubungan Malaysia-China	38
Rajah 2.2 Pengaruh Hegemoni Amerika Syarikat di Peringkat Domestik China dan Malaysia	51



SENARAI LAMPIRAN

	Halaman	
Lampiran A	<i>Table 1 Malaysia's Trade With China: 1971-2002</i>	136
Lampiran B	<i>Joint Communique of the Government of the People's Republic of China and the Government of Malaysia</i>	137
Lampiran C	Gambar Pertemuan Nixon dan Mao Tse Dong di China 1972	140
Lampiran D	Gambar Tun Razak Melawat China 1974	141
Lampiran E	Gambar Pertemuan Tun Razak dan Mao Tse Dong di China 1974	142
Lampiran F	Gambar Pertemuan Tun Razak dan Zhou Enlai	143
Lampiran G	Gambar Pertemuan Tun Razak dan Zhou Enlai Berserta Delegasi Kedua-dua Negara	144
Lampiran H	Gambar Pertemuan Deng Xiaopeng dan Tun Hussien Onn di Malaysia 1978	145

SENARAI SINGKATAN

AMDA	<i>Anglo-Malayan Defence Agreement</i>
ASEAN	<i>Association of South East Asian Nations</i>
DPRK	<i>Democratic People's Republic of Korea</i>
GATT	<i>General Agreement on Tariff and Trade</i>
IMF	<i>International Monetary Fund</i>
LFTC	<i>Local Foreign Trade Corporations</i>
MPAJA	<i>Malayan People's Anti Japanese Army</i>
NAM	<i>Non-Aligned Movement</i>
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PKM	Parti Komunis Malaya
PKI	Parti Komunis Indonesia
RMB	<i>Renmimbi</i>
ROK	<i>Republic of Korea</i>
RRC	Republik Rakyat China
ZOPFAN	<i>Zone of Peace, Freedom and Neutrality</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pengenalan

Pengaruh kuasa hegemoni memberi kesan yang besar dalam sistem antarabangsa. Pengaruh yang diperolehi ini adalah berdasarkan kepada kekuatan hegemoni itu hingga dapat meraih sokongan dan pengaruh yang besar dalam arena antarabangsa. Dengan berbuat demikian akan memudahkan lagi segala rancangan dan polisinya dalam sistem global melalui hubungan yang dijalinkan dalam struktur antarabangsa. Bagi meraih sokongan dan pengaruh yang kuat ianya dilakukan berdasarkan persamaan ideologi dan menerapkan nilai seperti demokrasi ke dalam sesebuah negara agar dapat diterima dan menyerlahkan lagi dominasi hegemoni. Ini dilakukan kerana kekuatan yang dimiliki oleh hegemoni dari segi ketenteraan, politik dan ekonomi yang akhirnya memberi kesan kepada dunia secara keseluruhannya.

Kemunculan Amerika Syarikat sebagai satu kuasa hegemoni dunia selepas Perang Dunia Kedua telah membawa kepada perluasan pengaruhnya. Tidak hairanlah jika Amerika Syarikat cuba untuk membentuk strategi dan dasar agar dapat diterima oleh negara lain sebagai membuktikan kekuatannya dan menonjolkan keunggulan demokrasi yang dianutinya. Amerika Syarikat dilihat cuba untuk mempromosikan demokrasi, kapitalisme, hak asasi manusia, globalisasi, Orde Dunia dan sebagainya. Ia kemudiannya disokong oleh sebahagian besar negara-negara di dunia yang melihat Amerika Syarikat sebagai satu model negara yang unggul serta dapat membuktikan kepada dunia bahawa sistem demokrasi adalah lebih baik daripada komunisme.

Negara-negara yang menyokong pendirian dan mengikut telunjuk Amerika Syarikat mendapat manfaat yang banyak dari segi politik, ekonomi, sosial, ketenteraan, teknologi dan pelbagai lagi. Ini menyebabkan Amerika Syarikat meraih sokongan yang berterusan yang akhirnya dapat bertahan sehingga ke hari ini. Manakala negara-negara pendokong komunis juga semakin mengecil. Ia kerana

Amerika Syarikat memberikan bantuan kepada negara-negara yang bersifat anti-komunis agar dapat membendung dari merebaknya pengaruh komunis ke negara tersebut. Akhirnya, empayar demokrasi yang dibentuk dengan begitu rapi telah membawa kepada keruntuhan blok komunisme yang dipelopori oleh Kesatuan Soviet.

Perkembangan ini dilihat sebagai satu perubahan yang signifikan kepada penguasaan dan dominasi hegemoni Amerika Syarikat yang berterusan dan melangkau jauh dalam pelbagai bidang serta menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara lain. Ini termasuklah hubungan yang dijalankan dengan China. Pada tahun 1972, Richard Nixon, Presiden Amerika Syarikat pada masa tersebut telah melakukan lawatan ke China. Pada tahun berikutnya kedua-dua buah negara telah bersetuju untuk membuka pejabat di Beijing dan Washington. Keadaan hubungan ini bertambah erat dan bertambah penting sehingga membawa kepada hubungan diplomatik yang terbentuk pada tahun 1979. Ianya mempengaruhi tindakan dan dasar hubungan luar negara-negara sedang membangun seperti Malaysia terhadap China.

Ini menunjukkan bahawa kesan daripada pengaruh yang kuat daripada negara kuasa hegemoni tersebut telah membawa kepada lawatan pemimpin Malaysia ke negara China pada tahun 1974. Hasil daripada lawatan ini, Malaysia dan China telah mengadakan hubungan diplomatik di peringkat kedutaan. Ini bererti China menempatkan seorang dutanya di Kuala Lumpur. Malaysia juga mengambil langkah yang sama dengan menugaskan seorang dutanya di China. Dengan ini China mengiktiraf Malaysia dan Malaysia pula mengiktiraf sebuah negara China sahaja.¹

Perkembangan ini telah membuka satu lembaran baru dalam lipatan sejarah hubungan kedua-dua buah negara. Ini menjadi satu titik tolak kepada hubungan yang lebih erat dan semakin signifikan sehingga ke hari ini. China juga merupakan

¹ Mokhtar A. Kadir, *Peranan Malaysia Dalam Politik Antarabangsa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 52.

negara kuasa besar dan kuasa veto yang sedikit sebanyak membawa kepada perubahan percaturan politik dunia. Maka hubungan ini adalah penting dalam mengetahui kerjasama yang wujud di antara Malaysia-China dalam dua negara yang berbeza.

Justeru itu, kajian ini melihat pengaruh hegemoni Amerika Syarikat terhadap hubungan kedua-dua buah negara yang terlibat. Ini adalah penting bagi melihat kesan daripada tindakan sebuah kuasa hegemoni turut memberi impak kepada negara kecil seperti Malaysia yang memihak kepada barat ketika itu. Usaha berbaik-baik dengan menjalinkan hubungan diplomatik ini mampu untuk merapatkan jurang perbezaan serta memberikan impak yang positif kepada kedua-dua buah negara.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu:

- i. Menilai sejauh manakah kuasa hegemoni Amerika Syarikat mempengaruhi hubungan Malaysia-China sebelum dan selepas 1974.
- ii. Menganalisis adakah terdapat hubungan di antara faktor sistemik, rantau, kepimpinan dan domestik dalam hubungan Malaysia-China.
- iii. Menganalisis isu-isu yang berlaku dan kaitannya dengan senario antarabangsa yang wujud dalam hubungan antara kedua-dua buah negara.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini ingin melihat bagaimana pengaruh kuasa hegemoni dalam mempengaruhi hubungan dan dasar luar sesebuah negara. Apakah hubungan Malaysia-China mempunyai hubungan dan kesan langsung terhadap perubahan dasar Amerika Syarikat terhadap China selepas 1972?. Adakah Malaysia dan China bebas daripada pengaruh kuasa hegemoni atau dipengaruhi oleh dasar hegemoni tersebut dan bagaimana tindakan dan keputusan kuasa hegemoni Amerika Syarikat ini mempunyai hubungan dengan faktor sistemik, regional, *leadership* dan domestik?.

Di samping itu, kajian ini juga melihat apakah perubahan yang terdapat akibat daripada pengaruh hegemoni tersebut samada dari politik dan ekonomi?. Apakah dasar China terhadap Malaysia masih kukuh walaupun pertukaran pucuk pimpinan kedua-dua buah negara berlaku?. Apakah dasar Malaysia juga masih

kukuh walaupun pertukaran tampuk kepimpinan China?. Selain daripada itu, kajian turut melihat apakah terdapatnya perubahan yang ketara dalam hubungan Malaysia-China? dan bagaimanakah senario antarabangsa yang dipengaruhi oleh Amerika mempengaruhi hubungan Malaysia-China?.

1.4 Pendekatan Teori

Teori yang diaplikasikan bagi kajian ini ialah Teori Kestabilan Hegemoni (*Theory of Hegemonic Stability*). Teori ini berasal daripada konsep *International Political Economy* (IPE) yang merujuk kepada penguasaan kuasa hegemoni seperti Britain abad ke-19 dan Amerika Syarikat abad ke-20 dalam kestabilan perdagangan bebas global. Menurut teori ini, sistem antarabangsa memerlukan sebuah negara yang tunggal yang mendominasi dunia mewujudkan satu bentuk interaksi di antara negara dalam sistem tersebut. Bagi menjadi sebuah hegemon mestilah mempunyai keupayaan dalam mewujudkan peraturan dalam sistem, keupayaan melakukannya dan komitmen yang bersungguh-sungguh yang dapat memberikan faedah kepada negara lain. Manakala, istilah ‘hegemoni’ menurut Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan hegemoni sebagai pengaruh atau dominasi sesebuah negara atas negara-negara lain.

Keupayaan hegemoni juga diukur melalui kekuatan ekonomi, politik, ketenteraan, teknologi yang dapat memberikan pengaruh yang besar kepada dunia. Ianya juga melihat bahawa peranan dan pengaruh sebuah kuasa hegemoni sangat penting dalam ekonomi dan politik dunia. Tindakan dan keputusan yang dilakukan oleh sebuah kuasa hegemoni akan juga turut memberi kesan kepada negara-negara lain dalam sistem politik dunia.

Kuasa hegemoni adalah sebuah kuasa yang dominan dalam sebuah sistem pemerintahan antara negara-negara dan mempunyai kemampuan yang tidak setanding dengan negara-negara yang lain dari segi industri senjata dan sektor perekonomian. Perlaksanaan kuasa hegemoni adalah sesuatu yang boleh direalisasikan dalam mana-mana keadaan samada secara terang ataupun rahsia oleh kuasa-kuasa utama antarabangsa walaupun mendapat tentangan dan ancaman dari pihak lain. Kuasa hegemoni juga adalah sebuah negara yang memiliki keunggulan dari segi ekonomi dan ketenteraan yang sudah pasti melaksanakan

unsur-unsur dominasi dan monopolii seperti seorang pedagang monopolii yang menguasai pasaran yang kecil.²

Keohane (1984) memberi penekanan terhadap kerjasama yang wujud antara negara dalam keadaan anarki. Kerjasama yang dijalankan bukanlah atas dasar kerelaan tetapi ianya wujud adalah kerana negara saling bergantungan bagi menjamin keselamatan dan kemandirian masing-masing. Di samping itu, sesebuah negara menjalankan kerjasama adalah bertujuan untuk memaksimakan keuntungan yang diperolehnya. Keuntungan yang diperolehi pula adalah berdasarkan konsep faedah relatif di mana akan wujudnya keadaan tambah sifar dalam hubungan negara iaitu ada yang menang dan kalah.³


Teori Kestabilan Hegemoni yang digunakan adalah sebagai asas utama dalam analisis hubungan diantara faktor-faktor utama yang mempengaruhi hubungan kedua-dua buah negara. Faktor-faktor yang dianalisis adalah seperti dalam rajah 1.1 di bawah.



² Asmady Idris, *Amerika Syarikat Satu Kuasa Hegemoni Dunia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, hlm. 12-13.

³ *Ibid.*

Rajah 1.1 : Faktor-Faktor Pengaruh Hegemoni Amerika Syarikat Dalam Hubungan Malaysia-China



Pada tahap sistemik tindakan hegemoni dilihat memberikan kesan kepada dunia. Ini kerana tidak wujudnya satu kerajaan global di dalam dunia yang anarki ini. Sebelum ini, iaitu selepas 1945 percaturan kuasa besar jelas berlaku di antara Kesatuan Soviet dan Amerika Syarikat. Kepentingan ini bukan hanya disebabkan oleh kepentingan ekonomi tetapi lebih besar dari itu adalah ideologi bagi meraih pengaruh seperti yang berlaku di Asia Pasifik. Persaingan yang sengit ini adalah untuk menjadikan mereka kuasa tunggal yang mendominasi dunia. Walaupun begitu pengaruh Amerika Syarikat telah menjalar ke seluruh dunia bukan hanya di Asia Pasifik malah ke benua Eropah, Afrika serta Amerika Latin. Penguasaan hegemoni pada tahap sistemik ini mampu membawa kepada kerjasama dan konflik antara negara samada di peringkat rantau dan domestik.

Seterusnya jika dilihat dengan teliti, pengaruh hegemoni Amerika Syarikat ke atas rantau Asia Timur dan Asia Tenggara telah membawa kepada penyebaran ideologi demokrasi di kalangan negara-negara di kedua rantau tersebut. Kekuatan hegemoni ini dijana oleh pelbagai faktor seperti kekuatan ekonomi, ketenteraan, kewangan dan teknologi. Kekuatan ini adalah untuk menunjukkan kelebihan demokrasi berbanding komunis hingga berjaya mendapat pengaruh di rantau tersebut.

Di rantau Asia Timur, penglibatan Amerika Syarikat di Korea Selatan, Taiwan dan Jepun membuktikan kewujudan pengaruh hegemoni tersebut. Di Korea Selatan dan Taiwan sebagai contohnya Amerika Syarikat memberikan bantuan teknologi, ekonomi, ketenteraan dan kewangan. Di Jepun pula, Amerika Syarikat menempatkan tenteranya dan menubuhkan pakatan dengan Jepun iaitu The *US-Japan Alliance* pada tahun 1951. Manakala pengaruh Amerika Syarikat di Asia Tenggara dapat dilihat melalui penglibatannya di Vietnam Selatan dan kebimbangannya terhadap pengaruh Komunis di Indonesia pada awal tahun 1960-an. Ini menyebabkan Amerika Syarikat meningkatkan kekuatan dan hubungannya dengan Thailand dan Filipina. Amerika Syarikat kemudiannya menyokong penubuhan ASEAN pada tahun 1967 yang mendukung nilai-nilai politik demokrasi dan bantuan ekonomi terhadap pemerintahan order baru pimpinan Suharto di Indonesia.⁴

Seterusnya kesan pengaruh tersebut memberikan impak kepada situasi domestik negara terlibat. Ini kerana situasi domestik mampu mempengaruhi dasar luar, struktur politik, ideologi, moral dan kuasa di dalam sesebuah negara. Perkara-perkara penting yang dititikberatkan pada peringkat domestik adalah seperti nasionalisme, jenis kerajaan, demokrasi, kediktatoran, parti politik, pendapat awam, birokrasi dan seumpamanya.⁵ Di China, pihak Amerika Syarikat telah memberikan bantuan dan sokongan ke atas parti politik domestik negara tersebut dengan memberikan sokongan kepada Parti Kuomintang. Walaupun begitu, parti tersebut mengalami kekalahan hingga tertegaknya pengaruh komunis di negara tersebut. Namun hubungan ini dijalinkan pada tahun 1971, apabila Setiausaha Negara Amerika Syarikat iaitu Henry Kissinger mengadakan lawatan ke China dan telah diberi sambutan baik serta di luar dugaan. Ini diikuti oleh lawatan presiden Amerika Syarikat iaitu Richard Nixon pada tahun 1972.⁶

⁴ Mohd. Noor Yazid, Kuasa Besar dan Krisis Ekonomi, *Pemikir*, Bil. 13, Julai-September 1998, hlm. 194.

⁵ Zulhilmi Paidi dan Asrar Omar, *Hubungan Luar Antarabangsa*, Kuala Lumpur: PTS Publications Sdn. Bhd, 2003, hlm. 15.

⁶ Mohd. Noor Yazid, *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, 2000, hlm. 63.

Begitu juga pengaruh Amerika Syarikat di Malaysia di mana selepas tahun 1957 dasar luarnya adalah pro-Barat. Semasa konfrontasi Malaysia-Indonesia pada tahun 1963-1966, pihak Amerika Syarikat menyokong dan memihak kepada Malaysia yang mengamalkan demokrasi-kapitalis. Manakala Indonesia disokong oleh kuasa yang berfahaman komunis-sosialis iaitu Kesatuan Soviet. Akhirnya, kejatuhan Sukarno adalah sebahagian daripada usaha secara langsung dan tidak langsung pihak Amerika Syarikat.⁷ Malaysia mendapat manfaat daripada usaha Amerika Syarikat tersebut daripada terpengaruh dengan fahaman komunis. Hubungan yang dijalinkan oleh kedua negara dapat bertahan hingga ke hari ini.

Seterusnya kesan daripada hubungan diplomatik yang dijalinkan oleh Amerika Syarikat ke atas China, Malaysia telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara tersebut pada tahun 1974 melalui lawatan Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Abdul Razak. Suasana pada tahap sistemik dan rantau telah membawa kepada pengaruh kuasa hegemoni di tahap domestik dalam hubungan Malaysia-China.



Kajian juga melihat bagaimana tiga faktor utama di atas dipengaruhi oleh pengaruh elemen ekonomi, ideologi dan juga politik. Pada analisis asasnya, faktor kuasa hegemoni adalah satu faktor penting dalam mengkaji hubungan Malaysia-China. Hubungan kedua negara tersebut berkait rapat dengan tindakan dan keputusan kuasa hegemoni semasa.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini mengkaji hubungan ekonomi dan politik Malaysia-China dalam tempoh masa sebelum dan selepas 1974. Ini adalah berikutan dari Lawatan Tun Razak ke China pada tahun 1974 menjadi titik penting dalam hubungan Malaysia-China. Kajian ini cuba menganalisis tempoh masa lebih kurang 15 tahun sebelum dan selepas tahun 1974 iaitu bermula pada tahun 1959-1989. Pemilihan tempoh ini adalah kerana pengkaji ingin menganalisis isu-isu dan dasar-dasar luar Malaysia setelah mencapai kemerdekaan iaitu sebelum hubungan kedua-dua buah negara terjalin pada tahun 1974. Manakala 15 tahun selepas tahun 1974 sehingga 1989

⁷ *Ibid.*, hlm. 93.

adalah untuk melihat sejauh mana perubahan hubungan kedua-dua buah negara terutamanya dalam menyentuh isu-isu keselamatan politik dan ekonomi. .

1.6 Hipotesis

1. Kuasa hegemoni Amerika Syarikat mempengaruhi dan memberikan kesan kepada hubungan Malaysia-China.
2. Terdapat perubahan yang nyata dalam hubungan Malaysia-China dalam tempoh masa sebelum dan selepas 1974.
3. Dasar luar dan keputusan hegemoni Amerika Syarikat terhadap China mempengaruhi hubungan terhadap dasar luar negara-negara kecil seperti Malaysia yang memihak kepada Amerika Syarikat dalam sistem politik dunia yang bersifat bipolar (dua kutub kuasa).

1.7 Kajian-Kajian Lepas (*Literature Review*)

Asmady Idris⁸ menyatakan pendapat dari *non-School of decline* yang beranggapan bahawa setelah empayar komunis terbesar dunia iaitu Kesatuan Soviet musnah pada tahun 1991, Amerika Syarikat menjadi kuasa hegemoni pada abad ke-20 yang berupaya untuk mentadbir dunia secara "bersendirian" melalui ideologi yang diilustrasikan sendiri oleh bekas Presiden Amerika Syarikat, George Bush iaitu "Orde Baru Dunia". Golongan ini juga berpendapat bahawa sehingga ke hari ini belum ada lagi bukti-bukti yang jelas dan bersifat rasional untuk menunjukkan bahawa kuasa hegemoni Amerika Syarikat telah merosot. Antara sarjana hubungan antarabangsa yang berpendirian selari dengan kenyataan di atas ialah Suzan Strange yang secara jelas tidak bersetuju menjadikan faktor ekonomi semata-mata sebagai satu ukuran muktamad untuk mendakwa bahawa kuasa hegemoni Amerika Syarikat sudah hilang zaman kegemilangannya. Ini kerana kuasa hegemoni Amerika Syarikat bukanlah bergantung kepada kekuasaan ekonomi ataupun kekuatan ketenteraan dan senjata sahaja, tetapi kuasa hegemoni Amerika Syarikat adalah lebih berbentuk struktur kuasa.

⁸ Asmady Idris, *op. cit.*, hlm. 1-2.

Mohd. Noor Yazid⁹ melihat semua negara dalam sistem antarabangsa mempunyai peranan yang berbeza. Peranan utama yang penting dimainkan oleh sebuah negara hegemoni di peringkat antarabangsa adalah mewujudkan kestabilan. Pengaruh kuasa hegemoni adalah satu faktor penting dalam mempengaruhi hubungan di antara kedua-dua buah negara dan kestabilan sesebuah rantau atau *regional*, tetapi kestabilan sesebuah rantau itu juga dipengaruhi oleh beberapa faktor lain seperti *territorial* dan ideologikal. Dalam kes kestabilan politik Asia Tenggara, faktor *regional hegemonic power* juga penting dalam kestabilan dan keberkesaan dan pengaruh kuasa hegemoni Amerika Syarikat. Dalam hal ini kuasa politik dan peranan yang dimainkan oleh Indonesia adalah penting dalam kestabilan politik di rantau Asia Tenggara. Begitulah juga kekuatan dan keberkesaan ASEAN juga dipengaruhi oleh peranan yang dimainkan oleh kuasa *regional hegemoni*. Jadi bagi Mohd. Noor Yazid kuasa hegemoni itu tidaklah menjadi satu faktor penentu yang mutlak dalam kestabilan dan hubungan politik di antara kedua-dua buah negara. Ianya mempunyai hubungan yang saling berkaitan dengan faktor-faktor domestik, *regional* dan sistemik.

Beeson¹⁰ menyatakan Amerika Syarikat menjadi negara hegemoni selepas perang dunia kedua apabila ianya sukar untuk ditandingi oleh Kesatuan Soviet dan menjadi negara paling berkuasa di dunia. Negara yang paling berkuasa mempunyai keupayaan dan kehendak dalam mempengaruhi sistem antarabangsa. Apa yang menjadi perhatian dalam era kontemporari menyaksikan hanya sebuah negara iaitu Amerika Syarikat jauh lebih berpengaruh berbanding negara lain. Amerika Syarikat mempunyai potensi yang unik dalam membentuk peraturan dan undang-undang bagi menguasai sistem antarabangsa, menguasai tindakan negara-negara lain dan aktor bukan negara secara berkesan. Dasar luar dan domestik Amerika Syarikat dianggap sebagai sesuatu yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Ia dilihat dari segi hubungannya ke atas negara dan rantau di dunia yang pada masa yang sama

⁹ Mohd. Noor Yazid, *Hegemonic Powers, Radical Politics and Development State: The Case of Indonesia-Malaysia Political Relations During The Cold War*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 11.

¹⁰ Mark Beeson, *The Rise of The 'Neocons' and The Evolution of American Foreign Policy*, Perth: National Library of Australia, 2004, hlm. 1.